

[THE BATTLE OF 'AYN JALUT : THE STRONGHOLD OF
THE ISLAMIC WORLD AFTER THE FALL OF BAGHDAD]

**PERANG 'AYN JALUT: BENTENG PERTAHANAN DUNIA ISLAM
SELEPAS KEJATUHAN BAGHDAD**

Nur Nasuha A. Rahman

*P117850@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)
Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

Farid Mat Zain

*farid@ukm.edu.my
Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization,
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

Abstrak

Kejatuhan Baghdad mencatatkan satu sejarah hitam dalam sejarah Islam yang menandakan berakhirnya empayar Islam yang telah berkuasa selama 656 tahun sejak daripada zaman Rasulullah SAW sehinggalah Kerajaan 'Abbasiyyah. Serangan yang dilakukan oleh Mongol adalah satu serangan yang telah mengakibatkan hampir 200,000-800,000 kematian dan khazanah dunia Islam musnah. Misi Hulagu Khan adalah untuk menguasai seluruh dunia Islam, namun begitu hasrat tersebut berjaya dipatahkan oleh Kerajaan Mamluk melalui Peperangan Ayn Jalut yang berlaku pada 3 September 1260M. Dimana selepas menguasai Baghdad, Hulagu Khan mengarahkan tentera Mongol bergerak ke utara Syria untuk menakluki wilayah Islam yang masih berbaki, antaranya Aleppo dan Dimashq. Setelah berjaya, Hulagu Khan mula mengorak langkah untuk menguasai Mesir, dan kemudiannya telah berlaku pertembungan di antara Mongol dan Mamluk yang merupakan kerajaan yang berkuasa di Mesir, di sebuah kawasan bernama Ayn Jalut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menganalisis Perang Ayn Jalut yang menjadi benteng pertahanan dunia Islam selepas kejatuhan Baghdad. Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah pensejarahan dengan menganalisis terhadap sumber primer dan sekunder serta sumber-sumber semasa yang dihasilkan. Kajian ini mendapati kemenangan Mamluk dalam Peperangan Ayn Jalut memberi kesan yang mendalam dalam sejarah Islam, sekaligus menyekat kemaraan Mongol untuk menguasai dunia Islam.

Kata kunci: *Mamluk, Mongol, Perang Ayn Jalut, benteng, dunia Islam*

Abstract

The fall of Baghdad recorded a black history in Islamic history that marked the end of the Islamic Empire that had ruled for 656 years from the time of the Prophet Muhammad to the Abbasid Empire. The Mongol attack was one that resulted in nearly 200,000-800,000 deaths and the treasures of the Islamic world were destroyed. Hulagu Khan's mission was to control the entire Islamic world; however, this desire was successfully broken by the Mamluk Kingdom through the battle of Ayn Jalut which took place on September 3, 1260M. Where after controlling Baghdad, Hulagu Khan directed the Mongol army to move to northern Syria to conquer the remaining Islamic territories, including Aleppo and Damascus. After his success, Hulagu Khan began to make moves to control Egypt, and then there was a clash between the Mongols and the Mamluks who were the ruling Kingdom in Egypt, in an area called Ayn Jalut. Therefore, this study was conducted to analyze the Battle of Ayn Jalut which became the stronghold of the Islamic world after the fall of Baghdad. This study is conducted based on historical methods by analyzing primary and secondary sources as well as contemporary sources produced. This study found that the Mamluk

victory in the battle of Ain Jalut made a deep impression on Islamic history, as well as blocking the Mongol championship to control the Islamic world.

Keyword: *Mamluk, Mongol, the Battle of Ayn Jalut, stronghold, Islamic world*

Article Received:
14 October 2021

Article Reviewed:
14 October 2021

Article Published:
15 December 2022

PENGENALAN

Peperangan dalam Islam secara amnya adalah satu cara atau jalan yang terpaksa dihadapi demi mempertahankan diri dan maruah daripada pencerobohan mana-mana pihak. Ia juga demi mempertahankan akidah, agama, kemanusiaan, dan kedamaian serta untuk mempertahankan kesejahteraan umat manusia dan tamadunnya (Haron, 2007). Sepertimana berlakunya Perang Ayn Jalut adalah antara usaha dan kebangkitan Kerajaan Mamluk mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan dunia Islam daripada dijajah serta dimusnahkan oleh Kerajaan Mongol yang kejam lagi jahil. Walaupun, peristiwa hitam penguasaan Mongol terhadap Kota Baghdad telah ‘mencemari’ kesejahteraan dunia Islam dan mencipta lembaran baru kepada misi Hulagu Khan untuk menguasai dunia Islam. Namun Perang Ain Jalut menjadi benteng pertahanan dunia Islam daripada Mongol serta menamatkan dan menyekat kelangsungan misi tersebut.

Rentetan daripada peristiwa kejatuhan Baghdad, angkatan tentera Mongol yang pada ketika itu dipimpin oleh Hulagu Khan telah meneruskan perjalanan mereka untuk menakluki Timur Tengah. Wilayah kekuasaan Islam seperti Aleppo dan Dimashq telah dirampas dan dikuasai tanpa prejudis dan pertimbangan yang saksama, setelah penaklukan tersebut misi penaklukan Hulagu Khan semakin rancak dan akhirnya membawa mereka menuju ke Mesir yang pada ketika itu diperintah oleh Kerajaan Mamluk. Demi kelangsungan misi perluasan jajahan Kerajaan Mongol ke Timur Tengah, Hulagu Khan telah mengutuskan utusan untuk menyampaikan sepucuk surat sebagai tanda amaran agar Kerajaan Mamluk yang pada ketika itu diperintah oleh Sultan Sayf al-Din al-Qutuz, untuk menyerah kalah dan tunduk kepada Mongol sekiranya tidak mahu peristiwa hitam kejatuhan Kota Baghdad berulang untuk kedua kalinya di Mesir.

Namun begitu, Sultan Sayf al-Din al-Qutuz yang merupakan pemimpin Kerajaan Mamluk bukanlah seorang yang mudah menyerah kalah, walaupun beliau menyedari kekuatan tentera Mamluk yang berjumlah hampir 20,000 orang mungkin tidak mampu menandingi hampir 130,000-200,000 orang tentera Mongol, akan tetapi demi mempertahankan nasib dunia Islam yang terletak di ‘tangan’ Kerajaan Mamluk, Sultan al-Qutuz telah memilih untuk berperang. Biar mati mempertahankan Islam daripada membiarkan kesucian agama dikotori musuh durjana. Maka, tercetuslah satu peperangan yang penting dalam sejarah Islam yang digelar sebagai Perang Ayn Jalut, bersempena peperangan tersebut yang berlaku di sebuah tempat yang bernama Ayn Jalut di Palestin.

Perang Ayn Jalut menjadi benteng pertahanan kepada dunia Islam daripada kemaraan Kerajaan Mongol dengan satu tujuan jitu iaitu menguasai dunia Islam. Kekalahan Mongol dalam Peperangan Ayn Jalut juga memberikan gambaran secara komprehensif bahawa masih wujud kuasa Islam yang dipimpin oleh Kerajaan Mamluk diambang kejatuhan dunia Islam dek musnahnya pimpinan Kerajaan ‘Abbasiyah, yang mampu menentang dan menandingi kekuatan tentera Mongol yang dianggap sebagai satu kuasa yang tidak dapat dikalahkan dan sekaligus membuktikan bahawa hal tersebut hanyalah sekadar mitos semata-mata.

LATAR BELAKANG

Bangsa Mongol terkenal dengan sikap mereka yang kejam serta rakus dalam menyerang kota-kota kecil atau kerajaan untuk menaunginya. Menurut catatan sejarah bangsa Mongol telah menyerang Kota Baghdad, membunuh penduduk-penduduk kota tersebut tanpa belas kasihan dan melakukan kehancuran terhadap kota tersebut. Mereka merupakan sebuah bangsa yang tidak berilmu sehingga sanggup membakar segala khazanah-khazanah serta kitab-kitab ilmu Kerajaan 'Abbasiyyah. Hal ini merupakan satu kerugian yang besar kepada umat Islam, kerana ketika itu di Kota Baghdad terdapat sebuah perpustakaan yang digelar sebagai Bayt al-Hikmah yang menyimpan kitab-kitab penting daripada pelbagai bidang ilmu dan bahasa.

Bangsa Mongol ini berasal dari sebuah daerah pergunungan di Mongolia yang terletak Asia Tengah hingga Siberia Utara, Tibet Selatan dan Manchuria Barat serta Turkistan Timur. Manakala, nama Mongol ini awalnya diambil daripada Mongolia iaitu tempat asal-usul mereka. Ahmad Shalabi telah menjelaskan bahawa nenek moyang bangsa Mongol yang bernama Alanja Khan mempunyai dua putera kembar, dan diberi nama Mongol dan Tatar. Selain itu, bangsa Mongol mengamalkan gaya hidup mengembara serta berpindah-randah dari satu tempat ke tempat yang lain. Kehidupan mereka sangat sederhana, di mana mereka hidup dengan berburu, menggembala domba dan antara punca pendapatan mereka adalah melakukan perompakan dan menyerang kampung-kampung kecil serta kabilah-kabilah pedagang (Brent, 1976).

Dalam hal keagamaan pula, mereka menganut agama yang menyembah matahari dan bintang-bintang sedangkan sebahagian daripadanya ada yang menganut agama Shamanisme (keyakinan terhadap dukun, ahli sihir, atau seumpamanya yang mampu menggunakan kekuasaan ghaib bagi mencapai tujuan tersendiri) dan Nestoria (agama Kristian). Orang-orang Mongol mempunyai perwatakan yang kasar, suka melakukan peperangan terhadap manusia yang lemah dan berani berhadapan dengan maut demi mencapai keinginannya. Mereka juga tidak beradab, akan tetapi, mereka sangat patuh dengan pemimpin atau ketua mereka. Pemimpin yang paling terkenal dalam kalangan bangsa Mongol ialah Genghis Khan (Farman, 1991).

Genghis Khan semasa pemerintahannya memasang impian untuk menjadi pemimpin yang paling berkuasa dengan kekuatan ketenteraannya yang kuat, beliau telah melancarkan gerakan perluasan wilayah ke daerah dan negara-negara lain, antaranya ialah Kerajaan China. Setelah berjaya menduduki Daerah Peking, China pada 1215M, Kerajaan Mongol semakin giat melakukan perluasan kuasanya, termasuk ke wilayah-wilayah Islam yang lain iaitu Kerajaan Khawarizm yang pada asalnya telah menjalinkan hubungan yang baik dengan Mongol, namun kerana kesalahfahaman yang berlaku diantara mereka menyebabkan Kerajaan Mongol memerangi Kerajaan Khawarizm, dan setelah itu misi perluasan kuasa mereka diteruskan sehinggalah pada tahun 1258M, tentera Mongol pimpinan Hulagu Khan tiba ke Kota Baghdad untuk menakluki dunia Islam. Manakala, golongan Mamluk pula mula muncul sejak pemerintahan Kerajaan 'Abbasiyyah yang pada ketika itu diperintah oleh Khalifah al-Mu'tasim. Kemunculan golongan Mamluk di Mesir pula adalah sewaktu pemerintahan Ayyubiyyah apabila mereka sebagai hamba telah ditawan oleh penguasa Ayyubiyyah dan mereka telah dilatih dan dididik untuk dijadikan tentera. Manakala ada juga diantara mereka yang telah dibeli oleh pemerintah kerajaan dan saudagar untuk tujuan yang sama iaitu supaya menjadi tentera yang mempertahankan negara dan rakyat daripada serangan musuh (Wan Kamal, 2010). Mereka ini telah dipisahkan daripada dunia luar dan hanya duduk serta menetap di kelompok masing-masing. Dan akhirnya Mamluk berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang dinamakan Kerajaan Mamluk.

Muhammad Sayf al-Din Muzaffar al-Qutuz ataupun Sultan al-Qutuz merupakan seorang pemimpin Kerajaan Mamluk. Beliau seorang pemimpin yang disegani kerana dapat mengalahkan bangsa Mongol yang kasar dan hebat. Melalui kepimpinan tentera di

bawah Sultan al-Qutuz, mereka berjaya menewaskan tentera Mongol melalui peperangan Ain Jalut yang berlaku pada 1260H atau bersamaan 648H. Sebelum tercetusnya Peperangan Ayn Jalut, Sultan al-Qutuz telah menerima surat untuk menyatakan kedatangan Mongol ke Mesir dan 'mengugut' supaya Mamluk menyerah kalah kepada Mongol, namun begitu beliau menolak untuk menyerah kalah dan lebih memilih untuk berperang. Sikapnya yang berani dan langsung tidak gentar telah membuatkan pemimpin angkatan Mongol, Hulagu Khan merasa marah dan tercabar (Ayalon, 1994). Rentetan daripada itu, maka telah berlakulah satu peperangan antara Kerajaan Mamluk dan Mongol di sebuah tempat yang bernama Ayn Jalut yang turut menjadi batasan kepada kemaraan Mongol untuk menakluki dunia Islam.

Kejatuhan Kota Baghdad

Setibanya Hulagu Khan dan tentera Mongol di Kota Baghdad, Hulagu Khan telah mengarahkan supaya tentera Mongol mengepung Kota Baghdad daripada semua penjuru kota tersebut. Seorang panglima Mongol yang bernama Baju telah diarahkan oleh Hulagu Khan untuk bersiap sedia melakukan serangan dari arah barat Kota Baghdad, manakala Hulagu Khan sendiri mempersiapkan tenteranya untuk melancarkan serangan dari arah timur (Harjani, 2014). Sebelum tibanya Hulagu Khan dan tentera Mongol ke wilayah Islam, Sultan al-Musta'sim telah cuba untuk mengutuskan Sharaf al-Din ibn al-Jawzi dengan sepucuk surat bagi berunding dengan Hulagu Khan yang pada ketika itu, menapak di Hamadan sebelum bergerak ke Kota Baghdad, supaya Hulagu Khan dan tentera Mongol pulang ke tempat asal mereka tanpa memerangi Kerajaan 'Abbasiyyah dengan balasan mereka akan membayar jizyah kepada Mongol. Namun begitu, Hulagu Khan tidak mengendahkan tawaran tersebut, sebaliknya mengarahkan supaya angkatan tentera Mongol bersedia untuk memulakan langkah mereka menuju ke Kota Baghdad. Pada ketika itu, Kerajaan 'Abbasiyyah tidak berada dalam keadaan yang baik, mereka mengalami pelbagai konflik dalaman, yang turut menyumbang kepada kegagalan mereka untuk menghalang kemasukan tentera Mongol ke dalam Kota Baghdad. Tentera 'Abbasiyyah yang bertahan daripada dalam Kota Baghdad telah menumpukan kekuatan mereka sepenuhnya kearah barat kota tersebut kerana Baju yang memimpin tentera Mongol telah memulakan serangan sebaik sahaja beliau tiba disitu. Disebabkan ini, bahagian timur Kota Baghdad tidak dilindungi dan Hulagu dengan angkatan tenteranya yang berjumlah hampir 200,000 orang dapat masuk ke dalam Kota Baghdad dengan mudah (Ibnu Kathir, 1997).

Pada 10 Februari 1258, Hulagu Khan berjaya menawan Kota Baghdad sepenuhnya dan mengarahkan supaya para penduduk Baghdad untuk meletakkan senjata dan menyerah kalah kepada Mongol. Mereka diarahkan keluar daripada Kota Baghdad, termasuklah Khalifah al-Musta'sim, para pentadbir serta anak-anak khalifah sendiri. Mereka telah dikurung di dalam sebuah khemah manakala para penduduk Baghdad yang keluar daripada Kota Baghdad akan dibunuh tanpa belas kasihan. Kekejaman dan penyeksaan Mongol ke atas Kota Baghdad berpanjangan sehinggalah, Hulagu Khan berangkat meninggalkan Kota Baghdad. Ada pendapat yang mengatakan, kematian para penduduk Baghdad mencecah antara 200,000-800,000. Hamd Allah Mustawfi Qazwini dalam penulisannya, yang berjudul *Ta'rikh-i-Guzida* menetapkan jumlah kematian penduduk Baghdad adalah sebanyak 800,000 orang, dimana merupakan bilangan kematian yang sering dinyatakan apabila dikaitkan dengan kejatuhan Baghdad. Namun begitu, jumlah sebenar tidak dapat dibuktikan dan dipastikan, akan tetapi Hulagu Khan sendiri pernah menulis dalam suratnya kepada Louis IX, yang ditulis pada tahun 1262, bahawa kematian penduduk Baghdad akibat serangan beliau adalah mencecah melebihi 200,000 orang (Morgan, 2007). Khalifah al-Musta'sim yang ditawan oleh Mongol,

telah dipaksa oleh Hulagu Khan untuk menyerahkan segala harta tinggalan Baghdad yang berharga kepada beliau. Bangunan-bangunan di Kota Baghdad dimusnahkan, dan masjid dibakar. Bayt al-Hikmah dimusnahkan dan khazanah-khazanah Kerajaan Abbasiyah dibakar dan dimusnahkan oleh tentera Mongol yang jahil (Hua, t.th.).

Serangan Mongol ke atas Kota Baghdad bukan sahaja menyebabkan jatuhnya Kerajaan 'Abbasiyah, tetapi juga menyebabkan hilangnya khazanah ilmu pengetahuan yang terkumpul di Bayt Hikmah. Kota Baghdad yang menjadi lambang kemegahan Kerajaan Islam bertukar menjadi seperti kota mati setelah diserang oleh Mongol tanpa sekelumit belas kasihan. Mongol yang terkenal dengan kekejaman telah membunuh hampir kesemua penduduk Baghdad dan merampas serta menghancurkan kota tersebut. Sejarah mencatatkan bagaimana, sungai yang jernih bertukar menjadi hitam dek kerana dakwat-dakwat yang luntur daripada khazanah ilmu yang dibuang dengan rakusnya oleh tentera Mongol kedalam sungai tanpa memikirkan kepentingan ilmu-ilmu tersebut dek jahilnya pemikiran mereka (Biran, 2018).

Harjani (2014) dalam penulisannya mencatatkan bahawa Mongol dikatakan telah menguasai Kota Baghdad selama 40 hari dan sepanjang 40 hari tersebut, penduduk Mongol telah disiksa dan diserang tanpa ada belas kasihan daripada pihak Mongol. Beliau juga menyentuh bagaimana serangan Mongol terhadap Kota Baghdad yang menyebabkan kejatuhan Kerajaan 'Abbasiyah telah mendorong kebangkitan Kerajaan-kerajaan Islam yang lain terutamanya Kerajaan Mamluk diterajui oleh Sultan al-Qutuz yang berpusat di Mesir. Penaklukan Kerajaan Mongol terhadap Kota Baghdad adalah antara punca tercetusnya Peperangan Ayn Jalut yang berlaku di sebuah kawasan yang bernama Ayn Jalut yang terletak di Syria.

Kemaraan Mongol Menguasai Aleppo dan Dimashq

Setelah Mongol melakukan serangan terhadap Baghdad dan menyebabkan jatuhnya Kerajaan 'Abbasiyah, mereka mula mengorak langkah untuk menguasai kerajaan Islam yang lain. Wilayah-wilayah Islam tersebut tidak mempunyai banyak pilihan kecuali tunduk kepada kuasa Mongol. Sama juga seperti Aleppo dan Dimashq yang pada ketika itu berada dibawah pemerintahan Kerajaan Ayyubiyyah dan dipimpin oleh al-Malik al-Nasir al-Ayyubbi. Apabila mereka mendengar khabaran mengenai kemaraan Mongol ke arah utara Syria, Baybars yang pada ketika itu berkhidmat dengan Sultan al-Nasir telah menasihati supaya beliau mempersiapkan angkatan tentera Kerajaan Ayyubiyyah untuk memerangi Mongol. Namun sebaliknya, Sultan al-Nasir telah mengutuskan anaknya, al-'Aziz untuk menghadap Hulagu Khan dengan membawa 'hadiah' sebagai tanda kepatuhan atau tunduknya Kerajaan Ayyubiyyah kepada kuasa Mongol. Beliau juga telah menitipkan sepucuk surat untuk meminta pertolongan Mongol bagi merampas kembali tampuk pemerintahan Mesir daripada Kerajaan Mamluk (Abu Khalil, 2005).

Walau bagaimanapun, rundingan tersebut tidak berjaya, hal ini kerana Hulagu Khan merasa marah dan terhina dengan perbuatan atau tindakan Sultan al-Nasir mengutuskan anaknya, al-'Aziz sebagai wakil beliau untuk menghadap Hulagu Khan, tidak seperti pemimpin lain yang datang sendiri menghadap Hulagu Khan untuk menunjukkan rasa patuh dan tunduk kepada kuasa Mongol. Maka Hulagu Khan telah membalas surat tersebut dengan pelbagai bentuk ancaman dan kemarahan terhadap Sultan al-Nasir. Apabila Sultan al-Nasir menerima balasan tersebut beliau juga tidak dapat menerima kenyataan atas penolakan dan ancaman Mongol. Oleh kerana itu, beliau telah mengirim Kamal al-Din untuk meminta bantuan Kerajaan Mamluk di Mesir bagi memerangi Mongol (Abu Khalil, 2005). Sekali lagi perbuatan tersebut menimbulkan kemarahan Hulagu Khan kerana tindakan Sultan al-Nasir yang tidak tetap dengan pendirian beliau, dimana setelah meminta bantuan Mongol memerangi Mamluk, tiba-tiba beliau berpaling tadah dan

meminta bantuan Mamluk pula untuk memerangi Mongol, maka bermulalah episod penaklukan Kota Aleppo dan seterusnya diikuti oleh penaklukan Dimashq oleh Kitbugha.

Mongol yang sebelum ini telah dibantu oleh Kerajaan Golden Horde iaitu Kerajaan Mongol yang terletak di Rusia, namun setelah peristiwa penaklukan Kota Baghdad tidak lagi mendapat sokongan mereka kerana Kerajaan Golden Horde telah memilih untuk memeluk Islam (Farman, 1991). Hal ini menyebabkan Mongol hilang satu sokongan kuat. Namun begitu, dengan bantuan tentera Salib Mongol menguasai Aleppo pada 25 Januari 1260 setelah hampir sebulan mereka mengepung Kota Aleppo dan Dimashq pada 2 Mac 1260. Kota Mesir yang pada ketika itu dikuasai oleh Kerajaan Mamluk yang pada asalnya tidak menjadi tumpuan utama Hulagu, mula mendapat perhatian Hulagu Khan kerana bantuan yang diminta oleh Kerajaan Ayyubiyah kepada Mamluk untuk memerangi Mongol. Hulagu Khan mula merancang strategi dan menghantar utusan kepada Kerajaan Mamluk supaya mereka akur dan tunduk kepada Mongol. Walau bagaimanapun, balasan yang diterima oleh Kerajaan Mongol melalui pergantungan kepala para utusan Mongol cukup untuk menyatakan kesediaan Kerajaan Mamluk memerangi Mongol.

Di samping menakluki Mesir yang ketika itu dikuasai oleh Kerajaan Mamluk, Hulagu Khan juga mempunyai tujuan untuk merampas Jerusalem, Namun begitu, dalam perjalanan tersebut Hulagu Khan mendapat berita mengenai kematian ketua mereka yang juga merupakan abang beliau iaitu Mongke Khan. Walaupun telah dinasihati oleh isteri serta tentera salib yang membantu mereka supaya Hulagu tidak meninggalkan gerakan ketenteraan tersebut untuk pulang ke Mongolia, beliau tetap berkeras untuk pulang dan mengarahkan Kitbugha untuk mengetuai gerakan tersebut (Waterson, 2007). Walaupun Hulagu mempunyai saudara kandung yang boleh menerajui pimpinan tersebut tetapi Hulagu lebih memilih untuk melantik Kitbugha yang merupakan panglima yang paling beliau percayai dan mempunyai kelebihan dalam bidang ketenteraan berbanding yang lain (Farman, 1991).

Namun begitu, para sejarawan berbeza berpendapat mengenai pengunduran Hulagu Khan daripada Peperangan Ayn Jalut, dimana ada sesetengah daripada mereka berpendapat pengunduran tersebut adalah kerana kematian Mongke Khan dan keperluan Hulagu Khan untuk pulang ke Mongolia bagi menghadiri Majlis Kuritalai, yang merupakan tradisi bangsa Mongol iaitu majlis perlantikan atau pemilihan pemimpin yang baharu. Akan tetapi, Brent (1976) dalam penulisannya ada menyentuh mengenai kemaraan Kerajaan Golden Horde ke kawasan taklukan Mongol, turut menjadi salah satu punca pengunduran Hulagu Khan daripada misi tersebut. Namun begitu, pendapat yang paling kuat adalah kerana kematian Mongke Khan dan demi menghadiri majlis Kuritalai. Walau bagaimanapun, perkara tersebut tidak mematahkan semangat Mongol dan tujuan asal mereka untuk menakluki Mesir, maka dengan perlantikan Kitbugha, misi untuk menakluki Mesir diteruskan, angkatan tentera-tentera Mongol dipersiapkan. Hulagu Khan telah meninggalkan lebih kurang 20,000 tentera bersama-sama Kitbugha untuk memerangi Mamluk dan selebihnya berangkat bersama beliau untuk pulang. Hulagu yang pada ketika itu merasa amat yakin bahawa angkatan tentera Mongol mampu mengalahkan tentera Mamluk walaupun dalam bilangan yang agak kecil, kerana beliau percaya tentera Mongol lebih kuat daripada tentera Mamluk (Farman, 1991).

Rundingan Mamluk-Mongol

Kerajaan Mongol telah mengutuskan utusan untuk menghantar sepucuk surat kepada Sultan Sayf al-Din al-Qutuz di Mesir untuk mengkhabari akan kedatangan angkatan tentera Mongol ke Mesir, antara petikan surat tersebut ada dinyatakan dalam penulisan David (2007), *“History’s Hinge: ‘Ain Jalut”* yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris daripada bahasa asalnya, bahasa Uighur,

From the King of Kings of the East and West, the Great Khan. To Qutuz the Mamluk, who fled to escape our swords.

You should think of what happened to other countries...and submit to us. You have heard how we have conquered a vast empire and have purified the earth of the disorders that tainted it. We have conquered vast areas, massacring all the people. You cannot escape from the terror of our armies.

Where can you flee? What road will you use to escape us? Our horses are swift, our arrows sharp, our swords like thunderbolts, our hearts as hard as the mountains, our soldiers as numerous as the sand. Fortresses will not detain us, nor arms stop us. Your prayers to God will not avail against us. We are not moved by tears nor touched by lamentations. Only those who beg our protection will be safe. Hasten your reply before the fire of war is kindled.... Resist and you will suffer the most terrible catastrophes. We will shatter your mosques and reveal the weakness of your God, and then we will kill your children and your old men together. At present you are the only enemy against whom we have to march.

Turut disertakan disini adalah, terjemahan bahasa Melayu berdasarkan petikan surat tersebut daripada penulisan David (2007), "History's Hinge: 'Ain Jalut",

Daripada Raja Barat dan Timur, 'the Great Khan'. Kepada Qutuz pemerintah Mamluk, yang melarikan diri untuk melepaskan diri daripada pedang-pedang kami.

Kamu patut berfikir mengenai apa yang berlaku kepada negara-negara lain, dan tunduklah kepada kami. Kamu sudah dengari bagaimana kami telah menakluk sebuah kerajaan yang hebat dan kami membersihkan bumi ini daripada semua perkara yang mengotorkannya. Kami telah takluki kawasan yang hebat dan menghapuskan semua orang. Kamu tidak akan dapat melarikan diri daripada keganasan tentera kami.

Kemana kamu mahu melarikan diri? Jalan apa yang akan kamu guna untuk lari daripada kami? Kuda kami pantas, panahan kami tajam, pedang kami umpama petir, hati kami sekeras gunung, tentera kami ramai umpama pasir. Benteng tidak akan dapat menahan kami, tiada senjata yang boleh menghalang kami. Doa kamu kepada Tuhan tidak akan berjaya keatas kami. Kami tidak terkesan dengan tangisan dan tidak juga terkesan dengan ratapan. Hanya mereka yang memohon perlindungan daripada kami yang akan selamat. Percepatkan balasan kamu sebelum, api peperangan bermula. Enggan tunduk, dan kamu akan terseksa dengan seksaan yang paling teruk. Kami akan memusnahkan masjid-masjid kamu dan menunjukkan kelemahan Tuhan kamu, Dan kami akan bunuh anak-anak kecil dan orang-orang tua dikalangan kamu. Pada saat ini, kamu adalah satu-satunya musuh yang kami perlu kami tentangi.

Sultan Sayf al-Din al-Qutuz pada ketika itu sedar bahawa kekuatan Mamluk belum tentu dapat menangani serangan tentera Mongol yang kuat dan ramai. Penasihat-penasihat beliau juga beranggapan sama dan menasihati supaya Sultan al-Qutuz menyerah kalah kepada Mamluk. Namun begitu, Sultan al-Qutuz bukanlah seorang yang mudah menyerah kalah dan beliau juga sedar 'nasib' dunia Islam pada ketika itu terletak di tangan Kerajaan Mamluk setelah keruntuhan Kerajaan Abbasiyah. Oleh kerana itu beliau memilih untuk memerangi Mongol. Beliau telah mengarahkan supaya utusan Mongol dibunuh dan kepala mereka digantung dipintu masuk kota Mesir sebagai amaran

yang menyatakan Kerajaan Mamluk tidak akan tunduk kepada Mongol dan bersedia untuk berperang dengan Mongol demi mempertahankan dunia Islam (Waterson, 2007).

Kerajaan Mongol menerima 'jawapan' kepada surat yang disampaikan oleh Kerajaan Mamluk melalui penggantungan kepala utusan mereka di Bab Zuweila yang merupakan pintu gerbang masuk ke Kota Mesir, sebagai tanda kesediaan mereka untuk berperang daripada menyerah kalah serta tunduk kepada Mongol. Tindakan Sultan al-Qutuz berbuat demikian menimbulkan kemarahan Hulagu Khan dan membuatnya merasa tercabar, seolah-olah Sultan al-Qutuz memandang rendah kepada kekuatan Kerajaan Mongol sehingga berani untuk mencabar mereka. Oleh kerana itu, beliau kemudiannya telah memimpin angkatan tentera Mongol untuk bergerak ke Mesir bagi memerangi Kerajaan Mamluk.

Persediaan Kerajaan Mamluk

Lebih kurang 300,000 orang tentera Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan bergerak menuju ke Mesir untuk menakluki dan memerangi Mamluk. Jika dilihat pada bilangan tentera Mongol yang boleh dinisbahkan umpama 10:1 daripada bilangan tentera Mamluk dan kemenangan sepertinya memihak kepada tentera Mongol. Namun begitu, tiada siapa menjangkakan niat Hulagu Khan untuk menakluki sendiri Mesir tidak menjadi kenyataan. Walaupun semangatnya yang berkobar-kobar, Hulagu Khan terpaksa membatalkan hasratnya apabila beliau menerima perutusan yang datang mengkhabarinya mengenai kematian pemerintah Mongol atau '*The Great Khan*', Mongke Khan. Mengikut adat bangsa Mongol, para pewaris takhta pemerintahan perlu berkumpul pada hari kematian pemerintah terdahulu bagi urusan perlantikan pemerintah baharu. Hulagu Khan telah mengambil keputusan untuk pulang ke tempat mereka bagi menghadiri upacara tersebut dan beliau membawa angkatan tentera Mongol untuk pulang bersama beliau. Hulagu Khan dengan penuh keyakinan bahawa Mongol akan memenangi perlawanan ini, maka beliau hanya meninggalkan lebih kurang 20,000 orang tentera Mongol untuk bersiaga memerangi Mamluk (al-Sirjani, 2006).

Semasa Mamluk sedang melakukan persediaan untuk berperang, Sultan al-Qutuz telah menerima perkhabaran mengenai mundurnya Hulagu Khan bersama sebahagian angkatan tentera Mongol dan meninggalkan sebahagian yang lain di Syria. Hal tersebut merupakan satu khabar baik kepada Kerajaan Mamluk, kerana pengunduran Hulagu Khan bersama hampir 9/10 daripada bilangan asal tentera Mongol, sekaligus telah mengubah situasi ketenteraan menjadi satu kelebihan kepada Kerajaan Mamluk (Waterson, 2007). Hal ini kerana, angkatan tentera Mamluk menjadi semakin kuat setelah Baybars bersama pengikutnya datang ke Mesir untuk bergabung dengan Sultan al-Qutuz bagi memerangi Mongol. Baybars adalah salah seorang panglima tentera yang hebat dan pernah berkhidmat dengan Sultan al-Nasir semasa pemerintahan Kerajaan Ayyubiyah, tetapi beliau berundur kerana tidak bersetuju dengan kemunculan Kerajaan Mamluk menggantikan Kerajaan Ayyubiyah. Baybars dan pengikutnya bertapak di Syria, setelah Mongol berjaya menguasai Dimashq, beliau mengambil keputusan untuk bergabung dengan Mamluk bagi memerangi Mongol (David, 2007).

Lebih kurang 24,000 pasukan berkuda berada di Mesir dan hampir 30,000 lagi berada di Syria pada ketika itu (Abu Khalil, 2005). Selain itu, strategi Sultan al-Qutuz menyatukan semula Mesir dan Sham menambahkan lagi jumlah dan kekuatan tentera Mamluk. Dimashq dan Halab iaitu yang merupakan sebahagian dari daerah Syam telah di tawan oleh Mongol, hal ini membuatkan tentera Sham pergi ke Mesir untuk bergabung dengan pasukan tentera Mamluk. Hal ini menyebabkan Sultan al-Qutuz lebih yakin untuk memerangi Mongol (Ayalon, 1994).

Disebabkan pengunduran Hulagu Khan juga, Sultan al-Qutuz telah mengambil keputusan untuk memerangi tentera Mongol di Syria dan bukannya di Mesir. Hal ini

kerana bagi melindungi Kota Mesir yang merupakan pusat pemerintahan Mamluk daripada dimusnahkan oleh tentera Mongol. Namun begitu, untuk menyeberangi Syria bukanlah satu perkara yang mudah. Hal ini kerana sebelum melepasi Syria, Mamluk haruslah melalui Bandar Akka yang pada ketika itu diperintah oleh tentera salib yang masih lagi menetap disitu. Sultan al-Qutuz perlu memikirkan penyelesaian agar tentera Mamluk dapat melalui Akka dengan aman dan selamat (Waterson, 2007). Pertempuran bukanlah jalan yang baik bagi mereka, hal ini kerana jika berlaku pertempuran di Akka maka menyukarkan keadaan tentera Mamluk untuk bertempur dengan Mongol.

Tercetusnya Perang Ain Jalut

Pada 26 Ogos 1260, angkatan tentera Mamluk yang telah dipimpin oleh Baybars telah bertembung dengan pasukan tentera Mongol iaitu dibawah pimpinan, Baydar di Gaza. Namun, pasukan Mongol telah lari menyelamatkan diri mereka dan kemudiannya memaklumkan kemaraan angkatan tentera Mamluk kepada Kitbugha yang berada di Baalbak pada ketika itu. Pasukan Mongol mengambil keputusan melarikan diri daripada melawan Angkatan tentera Mesir kerana mereka menyedari bilangan tentera mereka terlalu sedikit berbanding dengan Mamluk. Kitbugha memberi arahan kepada Baydar supaya terus kekal dan bertahan disitu sehinggalah beliau datang dengan angkatan tentera Mongol. Namun begitu, Baibars tidak membuang masa melihat kepada keadaan tentera Mongol yang lemah, pasukan tentera Mongol telah dikejar keluar daripada Gaza sehinggalah ke Sungai Asi atau Sungai Orontes yang terletak hampir ke Turki. Sultan al-Qutuz mengjangkakan tindakan mengasak pasukan tentera Mongol hingga ke Sungai Asi akan berjaya memancing angkatan tentera Mongol yang dipimpin oleh Kitbugha untuk berperang. Namun, pada ketika itu perjalanan angkatan tentera Mongol terhalang kerana kebangkitan pemberontakan di Dimashq (Waterson, 2007).

Sultan al-Qutuz dan Baybars bertemu kembali di Gaza, dan mengambil keputusan untuk menyusun strategi bagi menyekat bantuan atau utusan kepada Kitbugha. Angkatan tentera Mamluk kemudiannya terus mara ke Syria, tetapi sebelum sampai ke Syria mereka perlu melalui tanah jajahan tentera Salib. Maka bagi, memastikan kelancaran perjalanan mereka. Mamluk telah membuat perjanjian dengan kerajaan tentera Salib bagi memberikan bantuan serta membuka jalan kepada mereka untuk ke Syria. Namun jika mereka enggan, Angkatan tentera Mamluk akan memerangi mereka terlebih dahulu (Ayalon, 1994).

Pada ketika itu, pihak Kristian tidak mempunyai banyak pilihan selain bersetuju dengan permintaan Kerajaan Mamluk walaupun mereka adalah sekutu kepada Mongol. Hal ini kerana, keadaan mereka tidak melayakkan mereka untuk berperang dengan angkatan tentera Mamluk yang telah bersiap sedia dengan lengkapnya. Sedangkan mereka serba kekurangan. Mereka juga beranggapan, jika Mongol berjaya mengalahkan Mamluk, mereka juga tidak terkecuali akan dijajah oleh Mongol. Hal ini kerana, Mongol menjajah atau menakluki sesebuah tempat kerana Kawasan tersebut bukan kerana orang-orang disitu. Sama seperti mereka menyerang Kawasan yang diduduki oleh Kipchak, walaupun dikalangan mereka juga mempunyai golongan Kipchak (Hillenbrand, 1999).

Sepanjang mereka menapak di kawasan tentera Salib, Sultan al-Qutuz menghabiskan masa beliau untuk menyusun strategi peperangan serta mempersiapkan amir-amir dan angkatan tentera Mamluk supaya sentiasa bersedia untuk bertempur. Beliau juga memberi semangat kepada mereka dengan memberikan ucapan-ucapan yang mengaitkan perjuangan menentang musuh-musuh Islam adalah satu jihad. Di samping itu, Baybars menggunakan masa-masa beliau untuk memerhati keadaan sekeliling, serta melihat dan mencari peluang-peluang atau ruang-ruang yang ada bagi memerangi Mongol. Sultan al-Qutuz telah mendapat perkhabaran mengenai Kitbugha

yang telah melalui Jordan dan bergerak untuk ke selatan dan menapak di Ayn Jalut. Angkatan tentera Mongol semestinya mencari tempat yang sesuai untuk memerangi Mamluk. Mereka menganggap Ayn Jalut merupakan kawasan yang sesuai, dimana ia mempunyai bekalan air, kawasan bukit-bukau yang sesuai untuk penyusunan pasukan memarah Mongol bagi melakukan serangan hendap (Ayalon, 1996).

Pada 2 September 1260 M, Sultan al-Qutuz memimpin angkatan tentera Mamluk bergerak ke Ayn Jalut. Baybars terlebih dahulu telah berangkat dengan pasukan tentera beliau bagi memerhati pergerakan Mongol daripada puncak Bukit Moreh, dan menghantar maklumat mengenai Mongol kepada Sultan al-Qutuz. Baibars juga telah menghapuskan pasukan pengintip Kitbugha, hal ini juga telah menyebabkan Kitbugha gagal mengetahui jumlah angkatan Mamluk sehinggalah hari peperangan berlangsung. Pasukan Baybars yang bertapak di puncak bukit telah berjaya dikesan oleh Mongol, namun mereka berjaya melarikan diri sebelum diserang oleh Mongol dan bergabung dengan Sultan al-Qutuz.

Peperangan Ayn Jalut akhirnya berlaku pada 3 September 1260 M, bersamaan 25 Ramadhan 658H. Angkatan tentera Mongol mengambil tempat berdekatan dengan sungai, sehinggalah angkatan barisan hadapan tentera Mamluk mara untuk memerangi mereka. Angkatan tentera Mamluk dengan mudah berjaya dikalahkan oleh Mongol, bagi Mongol ianya terlalu mudah sehinggalah mereka diserang hendap oleh pasukan tentera Sultan al-Qutuz tanpa mempunyai peluang untuk berundur. Hal ini menyebabkan, angkatan tentera Mongol menjadi kelam kabut dek kerana serangan balas yang berterusan oleh tentera Mamluk tanpa memberi peluang untuk Mongol melakukan serangan balas. Namun begitu, Mongol seolah-olah merasa dipermainkan oleh permainan mereka sendiri. Hal ini kerana cara bentuk penyerangan tentera Mamluk adalah hampir sama dengan serangan yang sering digunapakai oleh tentera Mongol. Hal ini kemungkinan besar telah diajar oleh golongan Turki Kipchak yang berada dalam kalangan tentera Mamluk (Ayalon, 1996).

Pertempuran berdarah ini telah berlarutan daripada subuh hingga ke tengahari, selama 3 hari berturut-turut (Ibn Kathir, 1997). Sepasukan kecil tentera Mongol cuba untuk melarikan diri tetapi akhirnya dihalang oleh Baybars dan dibunuh oleh beliau. Tentera Mamluk tidak memberi peluang walaupun sedikit kepada tentera Mongol. Peperangan tersebut berakhir dengan kematian Kitbugha. Kitbugha dikatakan telah mati disaat akhir Peperangan Ayn Jalut tetapi, mereka telah membawa mayat Kitbugha ke hadapan Sultan al-Qutuz untuk dipenggal bagi membuktikan kemenangan Mamluk terhadap Mongol (Waterson, 2007).

Kesan Perang Ain Jalut sebagai Benteng Pertahanan kepada Dunia Islam

Islam tidak akan hancur atau goyah dengan kekejaman dan penindasan Mongol yang mengakibatkan hampir 200,000-800,000 nyawa umat Islam terbunuh semasa penaklukan Kota Baghdad, malah ia menjadi pembakar semangat untuk umat Islam bangkit menentang kekejaman tersebut. Sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan Mamluk di Mesir, meskipun mereka diberi pilihan untuk tunduk dan akur kepada Kerajaan Mongol, namun Kerajaan Mamluk menjadi satu-satunya kerajaan Islam yang masih berbaki pada ketika itu, berani untuk bangkit menentang kekejaman Mongol serta mempertahankan dunia Islam daripada musuh Islam. Kemunculan Kerajaan Mamluk menggantikan Kerajaan Ayyubiyah di Mesir, membuktikan bahawa Kerajaan Mamluk layak untuk menjadi penaung kepada dunia Islam setelah Kerajaan Abbasiyah. Peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Mamluk dalam menyekat kemaraan tentera Mongol mengukuhkan lagi kedudukan Kerajaan Mamluk sebagai sebuah kerajaan Islam yang hebat setelah kejatuhan Kerajaan Abbasiyah.

Kemenangan Kerajaan Mamluk dalam Peperangan Ayn Jalut menjadi satu tamparan hebat kepada Mongol yang terkenal dengan sikap mereka yang ganas dan

buas (Ibn Kathir, 1997), sekaligus membuktikan dakwaan bahawa Mongol adalah kuasa yang tidak dapat dikalahkan adalah tidak benar sama sekali. Kejayaan tersebut turut meninggalkan kesan yang besar kepada dunia Islam kerana kemenangan Mamluk telah membuktikan serta menyedarkan dunia akan kekuatan politik yang dimiliki oleh kerajaan Islam pada ketika itu, disamping kejatuhan Kerajaan 'Abbasiyah yang dialami oleh dunia Islam. Sultan al-Qutuz telah mengutuskan pengkhabaran mengenai kemenangan Mamluk dalam Perang Ayn Jalut ke Dimashq (al-Suyuti, 2001) dan kerajaan-kerajaan Islam yang lain turut meraikan kemenangan Mamluk yang sekaligus dapat menyekat kemaraan kuasa Mongol dalam dunia Islam. Kejayaan Mamluk mengalahkan Mongol juga telah mengangkat Kerajaan Mamluk sebagai kuasa Islam yang menggantikan Kerajaan Abbasiyah menerajui dunia Islam. Kerajaan Mamluk juga berusaha untuk menghidupkan kembali sistem khilafah dengan melantik keturunan Banu al-'Abbas sebagai khalifah, hal ini seolah-olah mengembalikan semula sinar dunia Islam yang mula beransur gelap kerana ketiadaan khalifah Islam yang menjadi tunjang pemerintahan dunia Islam (Wan Kamal, 2010).

Peperangan Ayn Jalut juga menjadi punca penyatuan Kerajaan Sham dan Mesir yang pada awalnya memusuhi sesama mereka kerana perebutan takhta pemerintahan, akhirnya bersatu hati serta bekerjasama mengembleng tenaga untuk memerangi Mongol yang durjana. Sengketa lama diketepikan demi kesejahteraan para umat manusia dibawah naungan mereka. Dengan penyatuan Mesir dan Sham angkatan tentera Mamluk semakin kuat, tujuan dan hasrat mereka adalah sama iaitu menentang Mongol serta mempertahankan dunia Islam daripada dikuasai oleh Mongol. Penyatuan ini bukan sahaja menyumbang kepada kejayaan Kerajaan Mamluk dalam Perang Ayn Jalut, malah memberi kesan yang mendalam kepada sejarah Islam dan ikatan ukhuwah sesama umat Islam (Harjani, 2014).

Para sejarawan barat menyatakan bahawa kekalahan Mongol adalah berpunca daripada bilangan tenteranya yang sedikit berbanding tentera Mamluk serta ketiadaan Hulagu Khan yang merupakan pemimpin angkatan tentera Mongol juga menjadi punca kekalahan tersebut (Farman, 1991). Namun mereka lupa akan kehebatan ketenteraan tentera Mamluk yang telah berkhidmat dengan kerajaan-kerajaan Islam serta membantu kerajaan Islam bertempur dengan para musuh Islam. Mereka muncul sebagai golongan hamba yang dijadikan tentera upahan, dilatih dan dibentuk menjadi sebuah angkatan tentera yang hebat. Tambahan pula sewaktu Peperangan Ayn Jalut, tentera Mamluk juga terdiri daripada saki baki tentera kerajaan Khawarizmi, dan juga bekas tawanan Mongol. Menjadi lawan kepada Mongol membakar semangat mereka untuk melawan kembali kekejaman Mongol yang pernah dialami mereka sebelum itu (Ayalon, 1994). Maka dapat dilihat disini, faktor bilangan tentera yang sedikit mahupun banyak bukanlah menjadi punca kekalahan atau kemenangan, malahan ia bukan satu perkara mustahil untuk memenangi sesuatu peperangan dengan jumlah tentera yang sedikit berbanding pihak musuh. Ambil iktibar daripada Peperangan Badr yang dimenangi oleh umat Islam yang hanya berbekalkan 313 orang tentera berbanding kaum Quraysh yang mempunyai hampir 10,000 orang tentera. Begitu jugalah sebaliknya jika Mamluk berperang dengan bilangan asal Mongol yang berjumlah hampir 130,000 orang tentera, tidak menjadi satu perkara mustahil jika Mamluk tetap memenangi peperangan tersebut dengan keizinan Allah SWT dan juga kebijakan pemikiran Sultan al-Qutuz dalam menyusun strategi peperangan.

Kekalahan Mongol dalam Perang Ayn Jalut menjadi penanda gagalnya misi Kerajaan Mongol untuk menakluki dunia Islam (Abu Khalil, 2005) dan Perang Ayn Jalut menjadi benteng pertahanan dunia Islam daripada kekejaman Mongol. Walaupun mereka telah berjaya menawan beberapa wilayah Islam yang lain, akan tetapi kegagalan mereka untuk mara menakluk Mesir menjadi asbab untuk mereka mundur dari tujuan mereka yang asal. Mongol kalah ditangan Mamluk dengan strategi yang mereka sering gunakan dalam peperangan melawan orang Islam terutamanya sewaktu mereka berperang dengan kerajaan Khawarizmi iaitu berpura-pura untuk berundur dan menyerang hendap

apabila musuh terlalu selesa kerana beranggapan mereka telah menang. Namun akhirnya, strategi ini jugalah yang digunakan keatas mereka sehinggakan mereka tidak menyangkakan kekuatan tentera Mamluk mampu mengalahkan mereka.

Daripada sisi Hulagu Khan pula, setelah menguasai Baghdad dan menghancurkan kota pemerintahan kerajaan Islam, siapa sangka Kerajaan Ilkhan di Parsi yang merupakan kerajaan yang diasaskan oleh Hulagu Khan telah mengubah satu dimensi baru apabila ianya menjadi sebuah kerajaan Islam yang berpengaruh besar dalam perkembangan dunia dan tamadun Islam semasa pemerintahan Ghazan Khan (Brent, 1976). Berawal daripada bangsa Mongol yang bengis serta amat memusuhi umat Islam kepada sebuah kerajaan Islam yang mentadbir sendiri dan menaikkan kekuasaan Islam di bumi Parsi serta mencipta lembaran baru dalam sejarah Islam. Kejayaan Kerajaan Mamluk dalam Peperangan Ayn Jalut juga membuktikan bahawa, selepas kejatuhan Kerajaan 'Abbasiyah masih wujud kuasa Islam lain, yang boleh mempertahankan dunia Islam daripada musuh-musuh Islam. Setelah peperangan tersebut berlaku, Kerajaan Mamluk menjadi peneraju kepada dunia Islam sehinggalah muncul pula kerajaan Islam Uthmaniyah yang bangkit menerajui dunia Islam bermula daripada abad ke-12M sehingga ke abad-19M.

KESIMPULAN

Perang Ayn Jalut adalah merupakan salah satu daripada peristiwa penting yang tercatat dalam sejarah tamadun Islam. Kemenangan yang dikecapi oleh Kerajaan Mamluk seolah-olah menjadi benteng pertahanan kepada dunia Islam setelah kejatuhan Kota Baghdad daripada musuh Islam. Hal ini kerana, setelah peperangan Ain Jalut yang menyebabkan kekalahan terhadap Kerajaan Mongol, telah menyekat pergerakan mereka untuk meneruskan misi perluasan kuasa Mongol ke atas dunia Islam. Kejayaan Mamluk juga telah menjadi 'pengubat' kedukaan yang telah dilalui oleh dunia Islam akibat keruntuhan Kerajaan 'Abbasiyah sebagai peneraju dunia Islam pada ketika itu dan juga kejatuhan Kota Baghdad sebagai pusat pemerintahan dunia Islam.

Kemenangan Mamluk dalam Perang Ayn Jalut sering dikaitkan dengan strategi peperangan Sultan Sayf al-Din al-Qutuz. Beliau telah menyusun strategi perang bermula dengan persediaan Kerajaan Mamluk sebelum menghadapi peperangan. Antaranya ialah, Sultan al-Qutuz menyedari kekuatan tentera Mamluk tidak mampu untuk mengatasi kuasa Mongol, maka Sultan al-Qutuz telah menyatukan Sham dan Mesir yang akhirnya membawa kepada penggabungan tentera dari Sham dan juga tentera Mamluk dari Mesir. Selain itu, Sultan al-Qutuz juga telah menyusun beberapa strategi yang lain seperti corak ketenteraan semasa peperangan berdasarkan teknik al-Furusiyya. Hal ini juga dapat membidas kenyataan sarjana barat yang menyatakan kemenangan yang diperolehi oleh tentera Mamluk dalam Perang Ayn Jalut adalah kerana pengunduran Hulagu Khan dan angkatan tenteranya, bukanlah kerana kekuatan Kerajaan Mamluk.

Semenjak kematian Mongke Khan yang merupakan ketua mereka pada ketika itu, Kerajaan Mongol semakin berpecah-belah dan mengalami pergolakan. Walaupun kekalahan Mongol dalam Peperangan Ayn Jalut bukanlah punca utama pergolakan tersebut, tetapi masih menyumbang kepada masalah tersebut. Mula muncul kerajaan-kerajaan baharu yang bernaung dibawah pemerintahan Mongol. Sebagai contoh, Kerajaan Golden Horde dan Kerajaan Ilkhan yang telah membangun semenjak Mongke Khan masih hidup dan diterajui oleh Hulagu Khan tetapi mula berkembang menjadi sebuah negara Islam.

Kerajaan Mamluk semenjak kemunculannya menggantikan Kerajaan Ayyubiyah telah menunjukkan bahawa mereka adalah sebuah kerajaan yang hebat sehinggakan dapat meneruskan perjuangan Kerajaan Ayyubiyah menentang tentera Salib sehinggalah dapat mengusir tentera Salib daripada wilayah Islam. Maka tidak hairanlah,


bagaimana Kerajaan Mamluk menjadi satu-satunya kerajaan Islam yang bangkit menentang dan menyekat kemaraan Mongol daripada menguasai dunia Islam. Walhal, kekuatan tentera Mongol bukanlah satu perkara yang patut dipandang remeh akan tetapi hasil daripada penubuhan anggota tentera yang datang daripada berbilang bangsa cukup untuk membuktikan tentera Mamluk juga adalah sebuah angkatan tentera yang hebat dan mampu menandingi Mongol. Perang Ayn Jalut sehingga kini masih dikenang sebagai satu peperangan yang mengubah nasib dunia Islam serta menjadi benteng pertahanan dunia Islam daripada musuh Islam yang durjana.

RUJUKAN

- Abu Khalil, Shawqi. (2005). *'Ayn Jalut bi Qiyadat al-Malik al-Muzaffar Qutuz*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Aigle, Denise. (2006). *Legitimizing a Low-Born, Regicide Monarch: The Case of The Mamluk Sultan Baybars and the Ilkhans in the Thirteenth Century*.
- Amitai, Reuven. (2008). Mamluks of Mongol Origin and Their Role in Early Mamluk Political Life. *Mamluk Studies Review*. 12, 119-137.
- Amitai, Reuven. (2008). Mongol Raids into Palestine (A.D. 1260 and 1300). *Journal of the Royal Asiatic Society*. 1987, 236-255
- Ayalon, David. (1994). *Islam and the Abode of War*. Great Britain: VARIOUM.
- Ayalon, David. (1996). The Mamluks of the Seljuks: Islam's Military Might at the Crossroads. *Journal of the Royal Asiatic Society*. 3, 305-333.
- Biran, Michal. (2016). The Islamisation of Hulegu Imaginary Conversion in the Ilkhanate. *Journal of The Royal Asiatic Society*. 26, 79-88.
- Biran, Michal. (2018). Violence and non-Violence in the Mongol Conquest of Baghdad. Dlm. Robert Gleave dan István Kristó-Nagy (pnyt.). *Violence in Islamic Thoughts from the Mongol to European Imperialism* (hlm. 15-31). Edinburg: Edinburgh University Press.
- Brent, Peter. (1976). *The Mongol Empire, Genghis Khan: His Triumph and His Legacy*. London: Weidenfeld and Nicolson.
- Farman, Chris. (1991). *The Mongol Conquest*. U.S.A. : Time-Life Books B.V.
- Haron Din. (2007). *Islam: Jihad sebagai Survival Insan*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Hillenbrand, Carole. (1999). *The Crusades: Islamic Perspectives*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Hua, Kaiqi. (t.th.). *The Fall of Two Capitals: The Mongol Conquests of Abassid Baghdad (1258) and Song Hangzhou (1276)*. t.tpt.: t.pt.
- Ibn Kathir, Isma'il. (1997). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. 13. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Kathir, Isma'il. (2005). *Sejarah Tamadun Islam Ibn Kathir*. Jil. 13. Terj. Zaidah Mohd. Nor et al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzumah. (2014). *Strategi Dinasti Mamluk dalam Pertempuran Ayn Jalut di Palestina tahun 1260M*. Yogyakarta: UIU Sunan Kalijaga.
- Morgan, David. (2007). *The Mongols*. Australia: Blackwell Publishing.
- Mundzirin, Yusuf. (2015). *Peradaban Dinasti Mamluk di Mesir*. Yogyakarta: UIU Sunan Kalijaga.
- al-Salabi, Muhammad 'Ali. (2009). al-Sultan Sayf al-Din Qutuz wa Ma'rikah 'Ayn Jalut fi 'Ahd al-Mamalik. al-Qahirah: Mu'assasat Iqra'.
- al-Sirjani, Raghib. (2006). *Qissat al-Tatar min al-Bidayah hatta 'Ayn Jalut*. al-Qahirah: Mu'assasat Iqra'.
- Stewart, Angus. (2018). Reframing the Mongols in 1260: The Armenians, the Mongols and the Magi. *Journal of The Royal Asiatic Society*. 28, 55-76.

- Timothy, May. (2006). The Training of an Inner Asian Nomad Army in the Pre-Modern Period. *The Journal of Military History*. 70, 617-635.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abu Bakr. (2001). *Tarikh al-Khulafa'*. t.tp.: Pustaka al-Kautsar.
- Waterson, James. (2007). *The Knights of Islam*. London: Greenhill books.
- Wattar, Muhammad Daher. (1989). Ma'rakah 'Ayn Jalut. t.tpt.: t.pt.

LAMPIRAN A



Peta kawasan dimana berlakunya Perang Ain Jalut
Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Perang_Ain_Jalut

BIODATA PENGARANG

Nur Nasuha A. Rahman adalah merupakan seorang pelajar Siswazah semester akhir, mod kerja kursus di bawah Pusat Kajian Arab dan Tamadun Islam, pengkhususan Sejarah dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum menyambung pengajian sarjana, beliau juga telah menyelesaikan pengajian peringkat ijazah sarjana muda dalam program yang sama.

Farid Mat Zain (Ph.D.) adalah merupakan seorang pensyarah dan juga sekarang ini sedang berkhidmat sebagai Pengerusi di Pusat Kajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau pada masa ini adalah berkaitan Islam dan peradaban Islam di Asia Tenggara dan juga Muslim di Thailand.